



## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	6/6/2018	MUKA SURAT	:	10
JABATAN	:	JTLM			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

# Pulihara terumbu karang

## Kolaborasi UMT dan Aquaria KLCC

KUALA LUMPUR

**B**ersempena Hari Laut Sedunia pada 9 Jun ini, Aquaria KLCC melancarkan peringkat pertama Program Pemuliharaan Terumbu Karang yang akan dilaksanakan bersama Jabatan Taman laut Malaysia (JTLM) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

UMT dan Aquaria KLCC secara rasminya bersetuju berganding bahu menjalankan inisiatif projek penyelidikan berkaitan terumbu karang bagi tujuan pemuliharaan dan konservasi warisan bawah air asli Malaysia untuk masa depan.

Perkara itu diumumkan Pengarah Urusan Aquaria KLCC, Datuk Simon Foong semasa program bersama media sempena Kempen Konservasi Terumbu Karang 'Save Our Corals' di sini, kelmarin.



Dari kiri: Dr Nor Aieni, Simon Foong dan Ketua Pengarah Marine Park Malaysia, Ab Rahim Gor Yaman pada majlis Kempen Konservasi Terumbu Karang 'Save Our Corals'.

Naib Canselor UMT, Datuk Dr Nor Aieni Mokhtar berkata, UMT yang mempunyai kepakaran dalam bidang laut menjalankan pelbagai inisiatif penyelidikan di peringkat universiti bagi pemuliharaan terumbu karang secara berterusan.

"Data penyelidikan terumbu karang yang diperolehi akan digunakan untuk tujuan konservasi dan

pemuliharaan yang dijangka dijalankan dalam masa terdekat," katanya.

Kerjasama UMT dan Aquaria KLCC turut diperluaskan dengan persetujuan menyediakan 'coral nursery' di UMT yang akan menempatkan lebih 100 benih batu karang bagi program pemuliharaan.

'Coral nursery' ini dijangka beroperasi sepenuhnya hujung tahun ini.